

D990

B B906 AAB  
MAHATHIR - KAUM

RAWANG, 15 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENYERU SEMUA KAUM DI NEGARA INI SUPAYA MENGAGIH-AGIHKAN KEKAYAAN NEGARA SUPAYA TIDAK TIMBUL PERASAAN KETINGGALAN DAN SYAK-WASANGKA DI KALANGAN MEREKA.

KATANYA, MEMANDANGKAN MALAYSIA KAYA DENGAN HASIL BUMI DAN TIDAK DIANCAM OLEH BENCANA-BENCANA YANG DAHSYAT, +RAKYATNYA YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM TIDAK PERLU BEREPUT-REBUT UNTUK MENDAPATKAN TEMPAT DAN KEKAYAAN+.

JIKA PERASAAN BEREPUT-REBUT DAN SYAK-WASANGKA DI ANTARA KAUM ITU TIDAK DIBANTERAS, NEGARA TERPAKSA MENGHADAPI RUSUHAN KAUM BEBERAPA TAHUN SEKALI UNTUK SELAMA-LAMANYA, KATA BELIAU SEMASA MERASMIKAN PERKHEMAHAN KEPIMPINAN PENGAKAP DAN BELIA NEGERI SELANGOR DI TAMAN RIMBA TEMPLER, DEKAT SINI.

KATANYA, MEMANDANGKAN KERAJAAN BERJAYA MENCEGAH RUSUHAN KAUM AKIBAT SATU KEADAAN PERKAUMAN YANG TEGANG BARU-BARU INI, SEMUA RAKYAT MESTILAH MEMASTIKAN KEADAAN SEUMPAMA ITU TIDAK BERULANG.

MENURUTNYA, SATU CARA BAGI MENIMBULKAN SERTA MENGEKALKAN PERASAAN MUHIBAH DI KALANGAN RAKYAT IALAH MELALUI AKTIVITI SOSIAL YANG MELIBATKAN SEMUA KAUM. -- LAGI  
1725MST 15 11 87

D991

B B908 AAB  
MAHATHIR - KAUM 2 RAWANG

PERDANA MENTERI JUGA MELAHIRKAN RASA KESAL KERANA KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA BELUM MENCAPI TAHAP YANG DIKEHENDAKI WALAUPUN NEGARA TELAH MENCAPI KEMERDEKAAN SELAMA 30 TAHUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP SETIAP RAKYAT BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH UNTUK MENGATASI SEGALA KELEMAHAN +KERANA PEMBANGUNAN NEGARA BERPUNCA DARIPADA PEMBANGUNAN DIRI SETIAP RAKYAT.+

+KITA MESTI KURANGKAN PERSELISIHAN FAHAM SESAMA KITA DAN ELAKKAN DIRI DARIPADA MEMBANGKITKAN PERKARA YANG REMEH-TEMEH DEMI KEBAIKAN SEMUA,+ UJAR BELIAU.

KATANYA, JIKA RAKYAT GAGAL UNTUK BERUSAHA DENGAN GIGIH SERTA LEBIH SUKA BERSELISIH FAHAM SESAMA SENDIRI, TIDAK MUSTAHIL KEKAYAAN NEGARA SUATU HARI NANTI AKAN DIBOLOTI OLEH RAKYAT ASING.

+KITA SERING MARAH-MARAH APABILA RAKYAT ASING BERJAYA MENCARI KEKAYAAN DI NEGARA INI, TETAPI KITA HARUS SEDAR BAHAWA KEKAYAAN YANG MEREKA PEROLEHI ITU SEMATA-MATA BERKAT USAHA YANG GIGIH DAN SANGGUP MENGHADAPI CABARAN,+ KATANYA. -- LAGI  
1727MST 15 11 87

D992

B B909 AAB  
MAHATHIR - KAUM 3 RAWANG

KATANYA, KERAJAAN BOLEH BERTINDAK MENYEKAT PELUANG RAKYAT ASING ITU TETAPI PADA MASA YANG SAMA RAKYAT MESTILAH BERSEEDIA MEREbut SEGALA PELUANG YANG ADA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN RAKYAT AGAR TIDAK TERPEDAYA DENGAN DAKYAH ANTI PEMBANGUNAN YANG DISEBARKAN OLEH KALANGAN NEGARA MAJU YANG BERTUJUAN MENGURANGKAN SEMANGAT BERUSAHA MEREKA.

DAKYAH ITU DISEBARKAN SECARA MELUAS OLEH GOLONGAN BERKENAAN YANG TIDAK MAHU MELIHAT RAKYAT NEGARA INI MAJU DAN BERSAING DENGAN MEREKA, KATANYA.

SEMPENA PERASMIAN PERKHEMAHAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENERIMA ANUGERAH TERTINGGI PERGERAKAN PENGAKAP MALAYSIA, +SEMANGAT PADI+ DARIPADA KETUA PENGAKAP NEGARA, DATUK DR SULAIMAN DAUD.

MENTERI BESAR SELANGOR, DATUK MUHAMMAD MUHAMMAD TAIB, YANG TURUT HADIR DALAM UPACARA ITU, MENERIMA ANUGERAH KEDUA TERTINGGI, +SEMANGAT RIMBA+ DARIPADA DATUK DR SULAIMAN. -- BERNAMA

1729MST 15 11 87